

KENYATAAN MEDIA**SWM ENVIRONMENT PASTIKAN JADUAL BERJALAN SEPERTI BIASA
SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA**

(Seremban, 29 Januari 2019) Syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) akan memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam berjalan seperti biasa sempena sambutan Tahun Baru Cina pada 5 dan 6 Februari 2019.

Operasi SWM Environment juga turut memberikan tumpuan kerja-kerja pembersihan awam pada setiap masa dan meningkatkan tumpuan kerja bermula 2 hingga 8 Februari 2019 terutamanya di lokasi tumpuan awam seperti pusat bandar bagi setiap daerah, pantai peranginan Port Dickson, pusat rekreasi Ulu Bendul, Kuala Pilah dan Jeram Toi, Jelebu dan juga pusat membeli-belah dan pasar.

“Anggota pekerja, kenderaan dan jentera juga telah disusun atur dan mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam terutamanya ketika sambutan hari perayaan Tahun Baru Cina,” kata Ketua Pegawai Operasi, SWM Environment, Encik Ho De Leong.

Bagi memantapkan lagi perjalanan operasi, pasukan khas SWAT bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan berlaku bagi membantu pihak operasi mengawal keadaan kawasan di bawah perkhidmatan syarikat di setiap daerah di Negeri Sembilan.

Tanggungjawab Penduduk

Penduduk diminta untuk mengamalkan amalan kitar semula bagi membantu mengurangkan janaan sisa ke tapak pelupusan sampah. Antara barangan yang boleh dikitar semula adalah botol minuman plastik, kotak minuman, kertas, surat khabar, kotak tisu, bekas plastik, barangan elektrik dan sebagainya.



Penduduk Digalakkan Menyertai Program KITAR3cycle

Program KITAR3cycle anjuran SWM Environment satu program pemberian dan penebusan mata ganjaran kepada penduduk yang mengamalkan pengasingan sisa kitar semula. Penduduk yang berdaftar di bawah program KITAR3cycle akan diberikan pelekat KITAR3cycle untuk dilekatkan diatas bungkusan barangan kitar semula bagi membolehkan penduduk mengumpul mata ganjaran serta menukarkannya kepada baucar membeli-belah ataupun barangan yang terpilih.

Sehingga kini, terdapat enam buah taman terlibat dalam program KITAR3cycle iaitu di Seremban; Taman Bukit Chedang Fasa 2, Taman Sri Pulai Fasa 1 dan Taman Arowana Indah, Nilai; Taman Impiana Residence, Port Dickson; Residence Park, Springhill dan Jempol; Taman Meranti, Bahau.

SWM Environment akan bergerak aktif bagi mempromosikan program KITAR3cycle kepada penduduk di Negeri Sembilan pada tahun ini.

Penduduk atau komuniti yang berminat untuk menyertai program ini hendaklah menjadi ahli KITAR3cycle SWM Environment dengan menghubungi pihak Jabatan Komunikasi Korporat SWM Environment di talian 019-202 4525 atau emel daniel.sahrill@swmsb.com.

Bagi sebarang aduan atau pertanyaan sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari <http://microsite.swm-environment.com/> bagi maklumat lanjut.

TAMAT

'PERKHIDMATAN BERKUALITI KEUTAMAAN KAMI'

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 6,000 orang dan mempunyai kenderaan



serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.